



Siaran Akhbar

SALAH GUNA MEDIA SOSIAL: 48 KES DIDAKWA DI MAHKAMAH SETAKAT SUKU KETIGA 2020

CYBERJAYA, 11 November 2020 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalahgunakan media sosial apabila sebanyak 48 pertuduhan telah difailkan di mahkamah bagi tempoh antara Januari sehingga September 2020 lalu.

Angka tersebut memperlihatkan peningkatan sebanyak 66% dan adalah lebih tinggi berbanding pada tahun 2019.

Daripada jumlah 48 tersebut, 34 pertuduhan adalah melibatkan kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998, dengan perbuatan berkongsi atau menyebarkan kandungan lucah mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 22 pertuduhan. Ini diikuti pula dengan kandungan jelik sebanyak sembilan (9) pertuduhan serta kandungan palsu sebanyak tiga (3) pertuduhan.

Manakala 14 pertuduhan yang selebihnya adalah merupakan kesalahan yang dilakukan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, seperti yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara berpandukan kepada hasil keterangan yang diperoleh.

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998				
Kesalahan	Dibebas tanpa dilepaskan	Perbicaraan	Selesai	Jumlah
Seksyen 233 (Penggunaan tidak wajar perkhidmatan rangkaian)	1	15	18	34
PERUNTUKAN PERUNDANGAN YANG LAIN				
Kesalahan	Dibebas tanpa dilepaskan	Perbicaraan	Selesai	Jumlah
S.292 Kanun Keseksaan (Memiliki bahan yang lucah)	-	-	5	5

S.385 Kanun Keseksaan (Mendatangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan)	-	1		1
S.505 (b) Kanun Keseksaan (Kenyataan yang mendatangkan khianat awam)	-		6	6
S.503 Kanun Keseksaan (Kesalahan menakutkan secara jenayah)	-		1	1
Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Memiliki apa-apa pornografi kanak-kanak)	-	1		1
JUMLAH KESELURUHAN	1	17	30	48

Keterangan kesalahan mengenai penyalahgunaan media sosial antara Jan-Sept 2020

Kesalahan yang dilakukan melalui aplikasi Facebook dan Twitter mencatatkan angka yang tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 14 pertuduhan dan ia diikuti rapat oleh *WhatsApp* sebanyak 13 pertuduhan sementara *Instagram* dan *blog* masing-masing mencatatkan bilangan terendah iaitu satu (1) pertuduhan sahaja.

Secara keseluruhannya, bagi tempoh sembilan (9) bulan pertama tahun 2020 sahaja, MCMC telah menerima sebanyak 178 Laporan Maklumat Pertama atau *First Information Report* (FIR) berkaitan dengan kesalahan penyalahgunaan media sosial, berbanding dengan hanya 139 yang diterima bagi tempoh yang sama pada tahun 2019.

Sebarang perkongsian atau penyebaran kandungan palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 AKM 1998. Sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

Peningkatan dari segi bilangan pertuduhan di mahkamah menunjukkan ketegasan MCMC dalam menangani salah guna media sosial yang masih berleluasa dalam kalangan rakyat. Selain itu, tindakan berkenaan juga bertujuan untuk memastikan persekitaran Internet yang selamat dan terjamin.

Sementara itu, bercakap pada program bual bicara Agenda Awani, Ketua Pegawai Kawal Selia MCMC Zulkarnain Mohd Yasin menegaskan, tindakan penguatkuasaan terhadap mereka yang menyalah guna media sosial termasuk penyebaran berita palsu adalah perlu demi kebaikan semua. Ujar beliau, ketegasan pihak MCMC dalam melaksanakan penguatkuasaan adalah penting bagi menghantar mesej jelas kepada si

penyedar bahawa mereka yang terlibat tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Zulkarnain turut menggesa orang awam agar sentiasa patuh akan undang-undang dan tampil memainkan peranan dalam membantu pihak berkuasa dalam menangani salah guna media sosial seperti penyebaran berita-berita palsu.

Orang awam boleh membantu pihak berkuasa dalam hal ini dengan membuat aduan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) ataupun kepada MCMC melalui e-mel aduan iaitu aduanskmm@mcmc.gov.my, WhatsApp di talian 016-220 6262 ataupun Portal Aduan MCMC pada pautan <https://aduan.skmm.gov.my/>.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

